



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**PENGURUSAN PEMASARAN SENI KRAFTANGAN
BERASAKAN MUTIARA DI NEGERI SABAH**

Mohd Salleh Bin Hj Ismail

52602

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dan Kreatif dengan Kepujian

(WA59 - Pengurusan Seni)

2018

PENGURUSAN PEMASARAN SENI KRAFTANGAN BERASAKAN
MUTIARA DI NEGERI SABAH

MOHD SALLEH BIN HJ ISMAIL

52602

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(WA59 - Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 28 day of 5 2018.

Student's Declaration:

I **Mohd Salleh Bin Hj Ismail, 52602, Faculty of Applied and Creative Arts** hereby declare that the work entitled **Pengurusan Pemasaran Seni Kraftangan Berasaskan Mutiara di Negeri Sabah** is my original work. I have not copied from any student's work or any other sources except where due reference or acknowledge is made explicitly in the next, nor has any part been written for me by another person.

28/5/2018

Date submitted



Mohd Salleh Bin Hj Ismail (52602)

Supervisor's Declaration:

Prof. Madya Dr. Anna Durin hereby certifies that the work entitled **Pengurusan Pemasaran Seni Kraftangan Berasaskan Mutiara di Negeri Sabah** was prepared by the above name student, and was submitted to the "FACULTY" as a partial / full fulfillment for the conferment of **Bachelor of Applied Arts with Honors (Arts Management)**, and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:



Prof. Madya Dr. Anna Durin

Date: 28/5/2018

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (✓)):

CONFIDENTIAL

(Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*


RESTRICTED
 OPEN ACCESS

(Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follow:

- This Project/Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalize the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student's Signature:  Supervisor's signature: 

Current Address:

KAMPUNG SRI JAYA

91300 SEMPORNA.

SABAH

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reasons of confidentiality and restriction

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGAKUAN

Penyelidikan yang bertajuk **Pengurusan Pemasaran Seni Kraftangan Berasaskan Mutiara di Negeri Sabah** telah disediakan oleh **Mohd Salleh Bin Hj Ismail** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Prof. Madya Dr. Anna Durin)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera, terlebih dahulu, bersyukur saya ke hadirat ilahi kerana diberi kesihatan tubuh badan dan kekuatan mental dalam menyiapkan kajian saya. Walaupun menghadapi beberapa halangan sepanjang menjalani kajian ini, namun dengan keizinannya saya dapat menempuhi segala cabaran sehingga saya dapat menyiapkan kajian ini dalam masa yang ditetapkan. Di kesempatan ini, saya juga turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia projek tahun akhir saya iaitu Prof Madya. Dr Anna Durin atas sokongan, tunjuk ajar serta nasihat dan sokongan moral dalam saya menyiapkan kajian ini. Seterusnya, ucapan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya atas doa, sokongan yang tidak terhingga serta memberi bantuan dari segi kewangan untuk kegunaan sepanjang menjayakan kajian ini. Tidak lupa kepada rakan-rakan yang banyak berkongsi pendapat dan tunjuk ajar dalam melaksanakan kajian saya. Setinggi-tinggi harapan penghargaan saya ucapkan kepada semua yang turun membantu baik secara langsung mahupun tidak langsung, seperti pengusaha-pengusaha kraftangan mutiara di daerah semporna yang banyak memberi kerjasama dalam berkongsi maklumat tentang kajian saya. Dan kepada responden yang turut terlibat secara tidak langsung yang memberi kerjasama saya ucapkan ribuan terima kasih. Akhir sekali, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam membantu saya sepanjang menjalani kajian saya. Semua jasa anda saya tidak dapat balas hanya mampu mengucapkan terima kasih serta doa untuk semua. Saya juga ingin meminta maaf jika ada kesalahan yang lakukan sama ada sedar tak sedar sepanjang menyiapkan kajian ini.. Sesungguhnya yang baik itu datangnya dari Allah S.W.T dan yang melakukan kesilapan itu datangnya dari kelemahan diri saya sendiri.

Abstract

The purpose of this study is to identify the marketing management of pearl handicraft in Sabah. Besides, the study is focuses in Semporna, Sabah, where it is one of the famous places of pearl handicraft. In this study, researcher are using a Qualitatif approach, that is conducting an interview with the informant to collect data. More over, this study is concentrated on the marketing strategy that have been used by informant, and also try to discover the type and quality of pearls, as well the uniqueness of the pearls handicraft. The findings show the almost all of the informant applying 4p that is *place*, *product*, *price* and *promotion* in their marketing strategy of the business of pearls handicraft. Furthermore, researcher hope that this study being able to enhance the development of pearls handicraft, and as well strengthen the marketing management.

Abstrak

Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti pengurusan pemasaran seni kraftangan berasaskan mutiara di negeri Sabah. Selain itu, kajian ini akan tertuju di daerah Semporna, iaitu merupakan salah satu tempat yang terkenal dengan kraftangan mutiara. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu sesi temubual bersama peniaga-peniaga kraftangan mutiara. Kajian ini tertumpu kepada strategi pemasaran yang digunakan, jenis serta kualiti mutiara, dan juga keunikan yang ada pada kraftangan mutiara. Hasil kajian menunjukkan, setiap peniaga mengamalkan 4P iaitu tempat (*place*), produk (*product*), harga (*price*), dan promosi (*promotion*) dalam pengurusan pemasaran perniagaan kraftangan berasaskan mutiara mereka. Kajian ini seterusnya diharapkan dapat memartabatkan dan memperkembangkan hasil seni kraftangan mutiara selain memantapkan lagi pengurusan pemasarannya.

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
Pengakuan	i
Penghargaan	ii
Abstract	iii
Abstrak	iv

Bab 1 - Pengenalan

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latarbelakang Kajian	2-4
1.3	Penyataan Masalah	4-5
1.4	Objektif	5-6
1.5	Kepentingan Kajian	6-7
1.6	Soalan Kajian	6-8
1.7	Skop Kajian	8
1.8	Lokasi Kajian	8

Bab 2 - Sorotan Kesusasteraan

2.1	Pengenalan	9
2.2	Kraftangan	10-12
2.3	Mutiara	12-13
2.4	Jenis dan Kualiti Mutiara	13-15
2.5	Keunikan Kraftangan Mutiara	15-16
2.6	Kerangka Kerja	16
2.6.1	Pengurusan Pemasaran Kraftangan Mutiara	16-19
2.6.2	Pengurusan Strategik Pemasaran	19-21

Bab 3 - Metodologi Kajian

3.1	Pengenalan	22
3.2	Kaedah Penyelidikan	23
3.3	Data Primer	23
3.3.1	Kaedah Kualitatif	24
3.3.2	Kaedah Temuramah	24

3.3.3 Kaedah Pemerhatian	25
3.3.4 Kaedah Kerja Lapangan	25
3.4 Data Sekunder	25
3.5 Analisis Data	26
3.6 Populasi	26
3.7 Instrumen Kajian	26-27
3.8 Limitasi Kajian	27
3.8.1 Masa	27
3.8.2 Jarak	27
3.8.3 Kos	28
3.9 Rumusan Kajian	28
 Bab 4 - Hasil Dapatan Kajian	
4.1 Pengenalan	29
4.1.1 Responden Kajian	30
4.2 Penganalisaan Data	31
4.2.1 Temuramah	31

4.3	Dapatan Kajian	32-44
4.3.1	Pengurusan Strategi Pemasaran Kraftangan	32-44
4.3.2	Jenis Kualiti dan Keaslian Mutiara	45-51
4.3.3	Keunikan Seni Kraftangan Mutiara	52-55
Bab 5 - Kesimpulan dan Cadangan		
5.1	Pengenalan	56
5.2	Implikasi	57-58
5.3	Cadangan	57-58
5.4	Kesimpulan	59-60
	Rujukan	61-63
	Lampiran	64-67

BAB 1

Pengurusan Pemasaran Seni Kraftangan Berasaskan Mutiara di Negeri Sabah

1.1 Pendahuluan

Bahagian ini menjelaskan mengenai penyelidikan yang akan dijalankan oleh pengkaji. Selain itu, pengaji juga akan menerangkan dengan lebih lanjut mengenai kajian yang telah dipilih oleh pengkaji yang berkaitan dengan pengurusan pemasaran kraftangan mutiara. Pengkaji akan membuat kajian mengenai pengurusan pemasaran kraftangan berasaskan mutiara di Semporna, Sabah. Serta mengenalpasti jenis dan kualiti kraftangan mutiara dan seterusnya mengkaji keunikan yang terdapat pada seni kraftangan mutiara.

1.2 Latarbelakang Kajian

Industri kraftangan sememangnya memainkan peranan penting dalam pembangunan industri dalam pelancongan dan ekonomi negara. Apa yang mendorong peniaga dalam aktiviti perniagaan kraftangan ini kerana keunikan hasil daripada kraftangan yang dihasilkan oleh semua etnik yang ada di Malaysia. Justeru itu, aktiviti perniagaan kraftangan berkembang luas dan tidak pupus di telan arus permodenan masa kini kerana kraftangan ada warisan daripada nenek moyang kita yang perlu dikekalkan untuk generasi akan datang. Akan tetapi masih terdapat beberapa masalah dalam aktiviti perniagaan dalam industri kraftangan kerana persepsi masyarakat yang negatif terhadap peluang untuk menceburi perniagaan kraftangan.

Selain itu, Malaysia juga turut membuat penubuhan kraftangan dalam pertumbuhan, pembangunan dan promosi industri kraftangan Malaysia agar dapat bersaing dalam pasaran luar negeri. Terdapat beberapa agensi yang bernaung di bawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan yang mempunyai misi untuk mempromosikan serta membangunkan pengusaha dan peniaga dalam industri kraf negara.

Justeru itu, kraftangan Malaysia menggariskan beberapa program untuk pembangunan seperti berikut. Program Penyelidikan dan Pembangunan, Program Pembangunan Pasaran, Program Pembangunan Usahawan Kraf, Program Latihan Kemahiran Kraf dan Program Pemuliharaan Kraf. Kelima-lima program untuk kraftangan Malaysia ini dapat membantu kraf yang ada di Malaysia dapat berkembang luas dalam pasaran.

Dalam dunia perniagaan pengeluar produk haruslah mahir dalam pengurusan bagi memasarkan produk yang hendak dikeluarkan dengan lebih sistematik. Datuk Mohd Shafie Apdal, yang merupakan mantan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia menggalakkan kaedah pemasaran yang lebih tersusun bagi melaksanakan dalam

industri kraftangan negara agar dapat menembusi pasaran antaranbangsa secara meluas. Menurut Steven & Mary, (2005) pengurusan yang cekap serta berkesan dapat membantu mencapai objektif mereka dalam operasi pengeluaran produk dan pendedaran prodak lebih jimat. Dengan itu, setiap maklumat dapat dicapai sekeriannya rekaan kraftangan yang dihasilkan mengikut rekaan terkini, menuruti permintaan pelanggan dan mempunyai nilai komersial.

Di Malaysia, negeri Sabah merupakan salah satu negeri yang kaya dengan khazanah alam yang indah. Selain itu, negeri Sabah juga terkenal dengan pelbagai etnik, bangsa dan juga kaum seperti, Kadazan, Dusun, Suluk, Bajau, Bugis, dan ramai lagi. Setiap etnik mempunyai hasil kraftangan yang dapat menyumbang kepada aktiviti pemasaran bukan itu sahaja malah terdapat banyak pulau-pulau yang indah menarik perhatian pelancong asing khususnya, Pulau-pulau di daerah Semporna yang sentiasa dihadiri oleh pelancong asing datang untuk berkunjung serta menikmati keindahan alam. Kehadiran pelancong yang ramai boleh dimanfaatkan.

Disamping itu, daerah semporna juga turut terkenal dengan penghasilan dan pengeluaran kraftangan mutiara. Kraftangan mutiara ini agak sukar didapati kerana mutiara merupakan satu khazanah alam yang unik yang hanya terdapat di kulit kerang, yang berbentuk bulat dan keras. Mutiara terbentuk melalui proses yang lama untuk menghasilkan mutiara yang cantik dan unik. Mutiara ditafsirkan terbentuk akibat iritant.

Oleh itu, usaha bagi memperkembangkan produk kraftangan mutiara di negeri Sabah khususnya di daerah Semporna perlu dipergiatkan kerana kawasan tersebut menjadi tumpuan peloncong yang datang. Antara kawasan pusat kraftangan di daerah Semporna yang menjadi tumpuan iaitu pusat pelancongan dan penginapan yang dikenali sebagai Dragon Inn Flothing yang terletak di kastam, pekan semporna,sabah yang menjalani aktiviti perniagaan kraftangan mutiara.

Selain itu, ia juga terkenal sebagai pusat penduduk tempatan untuk berkunjung setiap minggu bersama keluarga bukan sahaja penduduk tempatan malah dari luar negeri turut sama berkunjung untuk menikmati keindahan pantai. Di samping itu, ada juga terdapat beberapa pengunjung yang datang untuk membeli kraftangan yang dihasilkan antaranya kraftangan dari mutiara juga menjadi tumpuan serta mempunyai permintaan tinggi dari pada pelanggan kerana keunikan pada kraf mutiara tersebut sangat memberi perhatian seperti gelang tangan, rantai, loket, cincin serta butang baju yang berasaskan mutiara asli air tawar dan juga air laut dalam yang selalunya terdapat di Sabah, Indonesia, Filipina dan Jepun. Hal ini menyebabkan peminat kraftangan mutiara turut membeli mutiara dengan harga yang berpatutan kerana kraftangan mutiara sesuai untuk dijadikan perhiasaan diri,dekorasi ataupun koleksi peribadi.

1.3 Penyataan Masalah

Masalah utama terlalu ramai peniaga sehingga wujudnya pengurusan tersendiri yang tidak sistematik dan wujudnya pesaingan antara peniaga dalam kedai dan luar kedai. Hal ini menyebabkan wujudnya mutiara asli dan tidak asli kerana kerana ramai peniaga yang bergiat aktif dalam aktiviti perniagaan kraftangan mutiara sehingga tiada jaminan kualiti untuk kepuasan pengguna. Menurut Kolter dan Armstrong, (2000). Pemasaran bertujuan bagi menarik minat pengguna yang baru dengan menjanjikan nilai pada produk dan perkhidmatan yang serta mengekalkan pengguna lama dengan jaminan kualiti bagi kepuasan pengguna. Hal ini jelas kualiti sangat penting dalam penghasilan sesuatu produk tersebut.

Selain itu, wujudnya mutiara asli dan tidak asli disebabkan kraf mutiara terlalu banyak sehingga berlaku perbezaan harga pada mutiara yang asli dan tidak asli. Perbezaan harga mutiara

yang di jual oleh peniaga kepada pengguna yang menggelirukan pengguna. Hal ini berlaku disebabkan mutiara yang dijual sangat berbeza dari segi kualiti keaslian dan bukan asli kerana mutiara yang asli kurang menarik dari segi rupa, warna dan bentuk yang manakala mutiara tidak asli pula lebih menonjol sedikit kerana mutiara asli yang dihasilkan dengan kecanggihan mesin teknologi terkini dengan warna dan reka bentuk yang menarik, namun tiada tandingan dari segi kualitinya. Hal ini menyebabkan pengguna lebih memilih yang tidak asli dengan harga yang jauh berbeza kerana mutiara asli lebih mahal berbanding mutiara bukan asli jauh lebih murah serta lebih menarik dengan reka bentuk yang dihasilkan oleh pengeluar.

1.4 Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif yang mendorong pengkaji untuk membuat kajian. Antaranya ialah :

- 1) Mengkaji bagaimana pengurusan pemasaran kraftangan mutiara.

Pengurusan merupakan sesuatu yang amat penting dalam perancangan untuk mencapai sesuatu objektif atau maklumat. Dalam perniagaan pengurusan pemasaran merupakan antara satu faktor penting yang perlu diambil berat oleh peniaga. Oleh itu, pengkaji ingin mengetahui lebih lanjut pengurusan pemasaran yang digunakan oleh peniaga-peniaga kraftangan mutiara.

2) Mengenalpasti jenis dan kualiti keaslian mutiara.

Pembeli sentiasa inginkan sesuatu yang baik dan memuaskan kehendak mereka. Tentu sekali, setiap orang ingin memiliki sesuatu benda yang asli dengan harga yang bersesuaian juga. Oleh yang demikian, pengkaji tertarik untuk mengkaji bagaimana untuk mengenalpasti mutiara asli dan juga kualitinya serta harga yang selalu ditawarkan mengikut jenisnya.

3) Mengkaji keunikan yang terdapat pada seni kraftangan mutiara.

Pengkaji berminat untuk mengetahui, mengapa peniaga berminat untuk menjalankan perniagaan berkaitan kraftangan. Selain itu, mengetahui apakah keunikan yang terdapat pada kraftangan mutiara berbanding kraftangan lain.

1.5 Kepentingan Kajian

Melalui kajian yang dijalankan oleh penyelidik berharap agar dapat memberi kesan yang berguna kepada semua lapisan masyarakat mahupun pihak yang terlibat. Dengan adanya kajian yang dilakukan oleh penyelidik juga berharap pihak-pihak berkenaan dapat menitikberatkan berkaitan pengurusan dan pemasaran seni kraftangan.

Selain itu, pengkaji berharap hasil kajian yang dibuat oleh pengkaji dapat memberi manfaat kepada masyarakat sekeliling bahkan kepada pengusaha-pengusaha, pengguna dan intitusi yang terlibat, serta memberi idea baru dan penambahbaikkkan mengenai sistem pengurusan dapat di tingkatkan dengan lebih cekap lagi. Serta memberi pendapat baru dan penambahbaikkkan berkaitan pengurusan bagi meningkatkan lagi kecekapan pengurusan sedia ada.

Disampaing itu, pengkaji juga berharap kajian yang di buat dapat memberi maanfaat dan kesedaran kepada semua lapisan masyarakat agar seni kraftangan ini dipelihara dan dijaga

dengan baik bahkan kepada pengusaha sendiri agar lebih menghargai seni kraftangan dan berusaha memartabatkan lagi hasil seni kraftangan mereka sendiri.

1.6 Soalan Kajian

A. Bagaimanakah pengurusan dan pemasaran kraftangan mutiara

1. Apakah strategi yang digunakan ?
2. Bagaimanakah kaedah promosi yang dijalankan ?
3. Cara pengiklanan kraftangan mutiara ?
4. Harga kraftangan Mutiara ?
5. Berapakah jumlah kos ?

B. Apakah perbezaan mutiara asli dari segi kualiti

1. Jenis mutiara air laut, air tawar dan juga mutiara tiruan?
2. Saiz mutiara dan bentuk mutiara air laut dan mutiara air tawar?
3. Warna mutiara air laut dan mutiara air tawar?

C. Apakah keunikan yang terdapat pada seni kraftangan mutiara

1. Keunikan yang ada pada kraftangan mutiara?

2. Perbezaan dengan kraftangan yang lain?
3. Keunikan sehingga menjadi sumber pendapatan?

1.7 Skop Kajian

Kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji adalah untuk mengukur keberkesanan dalam kaedah pengurusan untuk memasarkan kraftangan mutiara. Pengkaji juga turut mengenalpasti kualiti serta keaslian kraf mutiara untuk perbezaan yang asli dan bukan asli. Selain itu, pengkaji juga mengkaji keunikan mutiara yang menarik perhatian pengunjung. Pengkaji akan menjalankan kajian di daerah pekan Semporna, Sabah.

1.8 LOKASI KAJIAN

Pengkaji telah memilih beberapa kedai kraftangan yang berasaskan mutiara di daerah Semporna yang terdiri dari pada kedai Hock Tai Sdn Bhd, kedai Sihun Handicraft, kedai Souvenir Shop dan juga kedai NurHidayah Handcraft. Empat-empat kedai ini merupakan tumpuan masyarakat untuk membeli belah dan kawasan tersebut terdapat beberapa pengusaha yang menjual barangan kraftangan mutiara, gelang, loket, perhiasan daripada mutiara dan sebagainya. Antara skop kajian pengkaji yang utama ialah mengkaji kaedah dan cara pengurusan untuk memasarkan kraftangan mutiara. Serta mengenalpasti jenis dan kualiti yang ada pada kraftangan mutiara. Seterusnya pengkaji juga mengkaji keunikan yang terdapat pada seni kraftangan mutiara dan tarikan kraftangan mutiara yang boleh menyumbng kepada pendapatan pengushaha-pengusaha kraftangan.

BAB 2

Sorotan Kesusasteraan

2.1 Pengenalan

Untuk menyokong bahagian ini, kajian lepas perlu dirujuk untuk menyokong kesahihan sepanjang menjalani kajian ini. Beberapa buah buku, tesis dan artikel berkenaan seni perhiasan diri telah dipilih untuk sorotan kesusasteraan. Sorotan kesusasteraan merupakan bahagian yang penting yang menjadi sumber rujukan kepada penyelidik untuk menyempurnakan kajiannya. Sumber kesusasteraan ini adalah berdasarkan kajian-kajian penyelidik lepas yang didapati melalui buku-buku, jurnal, tesis lepas yang dijadikan sumber rujukan penyelidik yang utama. Tambahan pula sorotan kesusasteraan merupakan suatu yang amat penting bagi penyelidik untuk menentukan kesahihan bahan bukti atau sokongan yang digunakan dalam menyempurnakan kajian penyelidik. Maklumat yang diambil dari kajian lepas menjadi bahan sokongan kepada kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Di samping itu, dengan adanya sorotan kajian ini memudahkan pengkaji untuk membuat perbandingan kajiannya dengan kajian-kajian yang lepas dan juga. Noah (2002) menyatakan sorotan kesusasteraan ini sangat penting untuk memberikan idea dan hala tuju tentang penyelidikan yang akan dijalankan. Selain itu, memberi gambaran secara menyeluruh tentang kajian yang akan dijalankan dan mendapat maklumat serta dapatan daripada kajian-kajian lepas dari terbitan, artikel, jurnal, surat khabar, internet dan sebagainya untuk membantu dan panduan pengkaji dalam menjayakan kajian ini.

2.2 Kraftangan

Kraf tangan merupakan satu sumber pengetahuan yang dapat menghasilkan satu produk yang boleh diguna pakai seperti, perabot, perhiasaan diri, tembikar dan selimut dengan menggunakan kemahiran dan kreativiti sendiri menurut (Crane,1992), (Becker,1982). Menurut Mohd zaihidie Arshad et al, (2011), dan Peter Dorner dalam bukunya makna kraf dikaitkan dengan aktiviti kreativiti berkemahiran yang berkait dengan proses membuat dekorasi atau membuat sesuatu ke atas objek dengan menggunakan tangan. Selain itu, menurut Akta 222,1979 (Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia)

“Kraf adalah barangan yang dihasil dengan menggunakan kemahiran tangan, dikeluarkan dengan atau tanpa menggunakan alat atau peralatan mudah yang dijalankan secara sendiri atau tidak langsung oleh pengusaha-pengusaha kraf”

“Keluaran kraftangan iaitu apa-apa keluaran artistik yang mempunyai daya tarikan kebudayaan atau tradisonal dan adalah hasil daripada sesuatu proses yang bergantung semata-mata atau sebahagiannya kepada kemahiran tangan dan termasuklah apa-apa barang, walau bagaimanapun dihasilkan, yang mempunyai rekabentuk batik pada atau di mana-mana bahagiannya.

Kraf merujuk kepada satu proses yang menciptakan sesuatu objek yang asli menggunakan bahan material semula jadi yang dilakukan oleh artis dengan kebolehan dan kreatifviti sendiri dalam menghasilkan satu kraf yang dapat diguna pakai dalam kehidupan seharian. Proses ini dapat dikaitkan dengan pendapat Edward Lucie-smith dalam bukunya *The Story of Craft* yang

menyatakan semua proses pembuatan kraftangan menggunakan tangan bagi bertujuan untuk perhiasaan, ritual, perabot dan semua jenis kraftangan.

Berdasarkan kajian lepas Shaladdin, Aziz & Sofian (2011) kajian tentang “usahawan kraf di Malaysia: Analisa laluan terhadap perhubungan inovasi produk, komitmen perniagaan dan perlembagaan perniagaan”. Pengkaji mendapati dapatan kajian membuktikan bahawa keempat-empat faktor inovasi produk tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan perkembangan perniagaan kraf. Selain itu, kajian lepas oleh Morshidi (2015), kajian tentang “*tradisional tikar craft in Sabah: an overview*”. Pengkaji mendapati barangan kraftangan dahulu adalah berkaitan dengan kepercayaan, tradisi, agama dan juga kaum dan juga tidak mementingkan harga sebaliknya lebih mementingkan kepuasan dan keindahan barang tersebut kepada penciptanya.

Seterusnya, kraftangan dapat didefinisikan sebagai satu produk keluaran yang mempunyai daya tarikan kebudayaan dan tradisional setiap hasil daripada proses pembuatan kraftangan ia sangat bergantung dengan kemahiran tangan dan juga termasuk jenis barang yang digunakan dalam proses rekabentuk di setiap bahagiannya (AKTA 222,1997). Manakala menurut Mohd Zaihidie Arshad et al, (2011), berpendapat bahawa kraf adalah pengubah suaian dari sesuatu bahan yang dilakukan oleh tukang itu sendiri dengan mengekalkan impian kehendak manusia.

Disamping itu, kraf merupakan sesuatu barangan yang dihasilkan dengan menggunakan kemahiran tersendiri dengan tangan, barangan yang dikeluarkan menggunakan alat atau peralatan yang menghasilkan kraf yang dijalankan secara sendiri ataupun secara langsungnya oleh pengusaha-pengusaha kraftangan (UNCTAD). Kraf juga telah menjadi objek yang mempunyai nilai dan kerangka kepada tujuan manusia untuk menggunakannya didalam

kehidupan harian ataupun sumber pendapatan dengan hasil daripada aktiviti pemasaran kraftangan yang dihasilkan.

2.3 Mutiara

Mutiara merupakan satu khazah alam yang unik yang hanya terdapat dalam kulit kerang, yang berbentuk bulat dan keras. Mutiara terbentuk melalui proses yang lama untuk menghasilkan mutiara yang cantik dan unik. Mutiara terbentuk disebabkan pasir yang masuk ke dalam tubuh kerang, kemudian diselubungi oleh kulit ari. Menurut Elizabeth Strack (Pearls, 2006) menyatakan mutiara terhasil dan terbentuk akibat irritant dan masuknya partikel padat dalam mantel moluska. Mutiara terbentuk kerana adanya bahagian epithelium mantel yang masuk ke dalam rongga mantel tersebut. Bahagian epithelium ini bertugas mengeluarkan nacre pada bahagian dalam cangkang kerang di samping membentuk keseluruhan cangkang.

Selain itu, mutiara dikatakan terdiri daripada tiga lapisan di mana luar setiap injap ditutup dengan bahan yang dipanggil periostracum yang akan memberikan cengkerang warnanya, lapisan berkapur kasar. Lapisan tengah digelar sebagai lapisan prisma, dan lapisan bahagian dalam setiap injap adalah selari dengan ibu mutiara dipanggil nacre (Nicholas,1999). Di samping itu, pemakaian atau penggunaan mutiara pada zaman dahulu hanya boleh digunakan oleh kaum bangsawan yang melambangkan kekayaan dan kekuasaan. Namun, pada zaman sekarang mutiara boleh digunakan oleh sesiapa yang mampu memilikinya sebagai simbol keanggunan dan kekayaan, pemakainya pula tidak terbatas dan boleh digunakan oleh semua lapisan masyarakat.